

1976

KUALA LUMPUR, 16 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN SANGGUP MEMINDA AKTA KEMAJUAN PETROLIAM DAN AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN DALAM USAHA MENARIK PELABURAN KE NEGARA INI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI. 19

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU JUGA UNTUK MENGHAPUSKAN ANGGAPAN YANG SALAH TERHADAP DASAR PELABURAN KERAJAAN.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MELAKSANAKAN SECARA RIGID DASAR EKONOMI BARU DAN KERAJAAN TIDAK AKAN MEMAKSA SESEBUAH SYARIKAT MENJUAL SAHAM KEPADA ORANG MELAYU JIKA ORANG MELAYU SENDIRI TIDAK SANGGUP MEMBELI.

BELIAU KBERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA CEK BERNILAI \$7,500 DARI TIMBALAN PENERUSI CENTRAL SECURITIES (HOLDING) BERHAD, DATUK LOY HEAN HEONG UNTUK MENGANJORKAN KEJOHANAN BADMINTON DI BAWAH UMUR 15 TAHUN.

DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU AKAN MENEMUI SEMUA DEWAN PERNIAGAAN BAGI MENDAPAT KETERANGAN MENGENAI KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH MEREKA. -- BERSAMBUNG 1222/ZCM

KATANYA, "DASAR PELABURAN KERAJAAN MALAYSIA ADALAH LEBIH LIBERAL DARI BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN DAN KERAJAAN BERTOLAK ANSOR DALAM MENGGUNAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP PELABURAN.

DR. MAHATHIR YAKIN MALAYSIA BOLEH MENARIK PARA PELABOR MELABOR MODAL DI NEGARA INI DAN MENJANGKA PELABURAN AKAN MENINGKAT LAGI DENGAN ADANYA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN UNTUK MENGAJUKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PIHAK PELABUR.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MENGEQUALIKAN WARGANEGARA ASING DARI MENJALANKAN TUGAS RUKUNTETANGGA KERANA MEMPERTAHANKAN NEGARA INI BUKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. -- BERNAMA 1228/ZCM